

PAS dan kuasa
MalaysiaKini.com
11 Oktober, 2012
Oleh Idris Ahmad

Sejarah kelahiran PAS untuk menyahut seruan kewajipan berdakwah dan mengajak manusia ke jalan Allah dan memperkenalkan Islam dalam bentuk "din wa al-daulah" (agama dan negara) seperti yang diarahkan oleh Allah dan Rasulullah SAW.

Firman Allah SWT:

"Hendaklah ada di kalangan kamu segolongan orang yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji)." (al-Imran 3:104)

Untuk mencapai cita-cita bagi menegakkan amar makruf dan nahyu 'anil munkar ia tidak boleh dilaksanakan kecuali mempunyai kuasa politik (kerajaan), kerana kerajaan sahaja yang boleh melaksanakan perintah dan larangan seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika berada di Madinah.

Baginda tidak boleh melaksanakan amar makruf dan nahyu 'anil munkar dengan sempurna ketika berada di Mekah kerana baginda tidak mempunyai kuasa.

PAS sebagai sebuah harakah islamiah tidak hanya bergantung kepada ceramah dan kuliah sebaliknya ia memerlukan kuasa bagi memastikan bahawa tuntutan Islam dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Justeru itu kita bekerja untuk mencapai cita-cita tersebut. Penyertaan PAS dalam pilihan raya adalah salah satu wasilah untuk ke arah itu. Inilah uniknya PAS, ia juga sebagai sebuah parti politik dan juga sebagai gerakan Islam di negara ini.

Seperti yang termaktub dalam Fasal 3 Perlembagaan PAS, dasar PAS ialah Islam.

Islam yang diperjuangkan oleh PAS ialah Islam yang lengkap, merangkumi semua perkara sama ada ibadah, politik, ekonomi, akhlak.

Dalam erti kata yang lain yang merangkumi urusan hidup dan mati. PAS mahu memperjuangkan din wa al-daulah.

Dalam fasal 5, Tujuan PAS ialah:

(1) Memperjuangkan wujudnya dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredaan Allah.

(2) Mempertahan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Dalam fasal ini jelas bahawa PAS berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang mengamalkan Islam.

Ertinya PAS tidak pernah tergelincir, sebaliknya orang yang menuduh PAS tergelincir sekarang sudah masuk ke dalam gaung, sedang menjerit-jerit untuk mendapat pertolongan daripada kawannya (Umno) untuk mendapat bantuan pernafasan.

Walaupun rakannya sekarang mengalami penyakit semput kerana tidak cukup oksigen di dalam badan. Akhirnya kedua-dua lemas dan tenggelam dan tidak timbul-timbul lagi.

Fasal 7, sumber rujukan tertinggi yang menjadi hukum dan kekuasaan PAS ialah Al-Quran, Sunah, Ijmak dan Qias.

Fasal 8 Perlembagaan PAS menetapkan bahawa Majlis Syura Ulama berfungsi menjamin kekuasaan PAS.

Fasal 7(2) tidak tergelincir daripada sumber hukum PAS seperti dalam Fasal 7(1). Atas asas ini, Majlis Syura Ulama diberi tiga bidang kuasa iaitu:

- i. Menghurai, menjelas dan mentafsirkan dasar PAS dalam Perlembagaan PAS.
- ii. Mengeluarkan arahan supaya dasar dan ketetapan dipatuhi oleh semua pihak dalam PAS serta mengawal supaya semua dasar dan ketetapan dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti PAS.
- iii. Rayuan disiplin.

Melihat kepada apa yang tercatat di dalam Perlembagaan PAS sudah membayangkan inilah perjuangan PAS yang tidak pernah menggadaikan prinsip sama ada ketika menang atau kalah, sama ada terbilang atau terbuang.

Perjuangan yang suci ini telah mendapat kepercayaan daripada berbagai peringkat. Semakin ditekan dan difitnah semakin mendapat sokongan dan dokongan, bukan sahaja daripada orang Islam, malah dari kalangan bukan Islam.

Apa yang dilalui oleh PAS seperti yang disebut pepatah cina: "Emas yang berkualiti tidak akan hancur walaupun dibakar dengan api yang kuat."

PAS hendak mendapatkan kuasa bukan cara yang tidak bermoral dan berakhlak. PAS tidak mengiktiraf pendekatan "matlamat menghalalkan cara".

PAS perlukan kuasa untuk menghayati Islam yang syumul seperti yang diajar oleh nabi kita Muhammad SAW.

Baginda tidak akan berhijrah ke Madinah dengan meninggalkan bumi Mekah kalau hanya

hendak bersolat dan tawaf di Kaabah sedangkan sistem yang berjalan di dalam masyarakat penuh dengan kezaliman dan penindasan.

Kuasa yang PAS miliki berbeza dengan Umno miliki. Walaupun serupa tetapi tidak sama. PAS mendapat kuasa untuk mengangkat Islam, sedangkan Umno mendapat kuasa dengan meminggirkan Islam dan dijadikan sebagai alat untuk mencari sokongan bagi mengekalkan kuasa.

Umno buat seminar dakwah tetapi Umno juga menyekat usaha pengembangan dakwah. Dakwah acuan Umno hanya amar makruf, tidak boleh nahi munkar.

Siapa yang berani bicara berkenaan dengan amar makruf nahi munkar akan digam dan diburu. Rancangan agama di televisyen hanya sekadar lepas batuk di tangga, bukan menerangkan Islam yang syumul.

Begitu juga masjid di bawah jagaan Umno, mati dahulu sebelum ahli kariah mati. Memang usaha mereka untuk mendapat kuasa supaya fungsi masjid tidak hidup dengan majlis ilmu. Pemimpin Umno faham orang yang berilmu dan faham agama yang syumul tidak akan menyokong perjuangan Umno.

Kalau tuduhan orang mengatakan PAS utamakan kuasa sehingga mengeneipkan Islam suatu tuduhan yang tidak betul. Jikalau PAS gilakan kuasa lebih baik PAS bersekongkol dengan Umno yang memang sudah disediakan karpet merah, sebaliknya PAS tidak menerima pelawaan ini.

Sebaliknya PAS terus mengemudi bahtera perjuangan dan merentas ombak dan badai bersama dengan Islam.

Segala keputusan yang PAS laksanakan seperti tahaluf siasi semuanya berdasarkan apa yang diputus dan dikaji oleh Majlis Syura yang mampu menekuni segala permasalahan hukum berdasarkan sumber Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias.

Ertinya segala keputusan yang dibuat berdasarkan kepada dosa dan pahala, syurga dan neraka. Semua di kalangan ahli syura sedar apa makna ada kuasa jika dengan kuasa membawa diri masuk ke dalam neraka.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/211413>